

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]**

SOALAN

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk mencapai 30 peratus partisipasi golongan wanita dalam bidang politik di negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita digubal untuk menjamin pembangunan dan pengupayaan wanita dengan mengarusperdanakan perspektif gender dalam pembangunan negara. Salah satu sektor yang dititikberatkan dalam pelan tindakan ini ialah wanita di peringkat pembuat keputusan dan politik. Penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan dan politik merupakan (dengan izin) satu *critical mass* yang diterima umum oleh masyarakat antarabangsa selain untuk membangun dan mengembangkan potensi wanita.

Berdasarkan Global Gender Gap Index 2018 terbitan World Economic Forum, Malaysia berada pada kedudukan ke 101 daripada 149 buah negara dengan *political empowerment*, dengan izin pada skor 0.072 daripada skor 1. Satu skor yang masih rendah berbanding pendidikan yang telah mencapai *parity* pada skor 1.0. Walau bagaimanapun, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat percaya kedudukan Malaysia bagi skor ini akan menunjukkan penambahbaikan kerana Kerajaan baharu telah melantik seorang Timbalan Perdana Menteri wanita. Di samping itu, jumlah menteri wanita juga telah bertambah daripada 3 orang kepada 5 orang menteri berportfolio penuh daripada 27 orang menteri keseluruhannya di bawah Kerajaan yang baharu. Namun begitu, jumlah wanita yang terlibat dalam bidang politik masih rendah dan inisiatif bagi meningkatkan peratusan wanita dalam bidang politik adalah satu inisiatif yang harus digalas bersama oleh semua komponen parti-parti politik dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian juga telah bekerjasama dengan pihak United Nations Development Programme (UNDP) yang antara lainnya bertujuan untuk melihat dan menilai keberkesanan pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negara (PTPWN) . Dapatan yang diperolehi akan membantu Kementerian menyediakan pelan tindakan yang lebih baik dan

SOALAN NO. : 300

komprehensif dengan mengambil kira isu-isu yang dihadapi oleh wanita termasuk dari aspek pembuat keputusan dan juga penglibatan dalam politik. Dapatkan kajian seperti penghasilan kerangka mengarusperdanakan gender akan digunakan untuk menambahbaik dasar dan pelan tindakan bagi memastikan penglibatan wanita dalam pentadbiran dan pembangunan negara yang efektif.

Saya berharap wanita-wanita yang memegang portfolio dalam Kerajaan baharu dapat menunjukkan contoh yang terbaik daripada segi prestasi dan integriti supaya Kerajaan dan rakyat akan terus memberi mandat kepada wanita di masa hadapan. Saya menyeru agar Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini turut menyokong pemerkasaan agenda wanita dan memberikan peluang kepada wanita dalam proses pembangunan kesejahteraan negara.